



Siaran

AKHRA
UNIT KOMUNIKASI STRATEGIK
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 2 - () 02/06

**MAKLUM BALAS MENTERI PERTAHANAN MENGENAI KETIRISAN DAN
KEBOCORAN MAKLUMAT MESYUARAT MAJLIS ANGKATAN TENTERA**

Pihak Kementerian Pertahanan mengambil serius akan dakwaan Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) bahawa berlakunya kebocoran dokumen sulit berhubung pelantikan dan kenaikan pangkat pegawai kanan tentera seperti yang disiarkan oleh pihak media.

Kementerian ini melalui Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan mengarahkan supaya satu siasatan dijalankan oleh Cawangan Provos Marsyal, Markas ATM – Bahagian Perkhidmatan Anggota (BPA) bagi menyiasat kesahihan dakwaan tersebut. Sekiranya dakwaan berkenaan terbukti benar, tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan peruntukan undang-undang.

Selaku Pengerusi Majlis Angkatan Tentera (MAT), saya memberi jaminan bahawa setiap Mesyuarat MAT yang dilaksanakan akan menitikberatkan pemeliharaan yang tinggi terhadap aspek kerahsiaan serta segala perkara yang dibincang dan diputuskan dalam mesyuarat tersebut.

Saya difahamkan bahawa perihal menjaga kerahsiaan ini telah diamalkan sejak MAT ditubuhkan lagi. Selain itu, pihak Kementerian tidak akan berkompromi terhadap sebarang ketirisan dan kebocoran maklumat sulit, sekiranya ada.

YB Tuan Haji Mohamad Bin Sabu
Pengerusi Majlis Angkatan Tentera
Menteri Pertahanan
04 Jun 2018

- TAMAT-